

MUIP santuni mualaf, saudara baharu kawasan Maran, Chenor

- Oleh HARIS FADILAH AHMAD
- 16 Mei 2024, 8:45 am



Sebahagian golongan mualaf dan saudara baharu Muslim bersama kakitangan Majlis Ugama Islam Pahang dan tetamu dari agensi agama Islam daerah sempena jamuan hari raya di Maran, Pahang baru-baru ini. – UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) cawangan Maran menyantuni kira-kira 100 orang mualaf dan saudara baharu Muslim dalam majlis jamuan hari raya di perkarangan Pejabat MUIP bandar Maran baru-baru ini.

Pengurus MUIP Cawangan Maran, Mohamad Fahmi Maktar berkata, jamuan berkenaan untuk memeriahkan hari raya itu dihadiri oleh mualaf dan kalangan saudara baharu Orang Asli.

Mereka menetap di sekitar kawasan Maran dan Chenor dan turut dihadiri oleh tetamu terdiri daripada kakitangan Pejabat Agama Islam Daerah, Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Kemajuan

Orang Asli, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (Perkim).

“Jamuan ini turut dimeriahkan apabila dihadiri oleh Pengarah Bahagian Pengurusan dan Pembangunan Islam MUIP, Mohd. Ali Mat Dasir yang menitipkan motivasi kepada mualaf dan saudara baharu selain dapat mengeratkan lagi hubungan persaudaraan dengan semua kaki tangan MUIP di sini,” katanya di Maran, Pahang baru-baru ini.

– UTUSAN